

Mahathir selar pihak² gunakan kemiskinan sebagai isu politik

KUALA LUMPUR 1 Dis — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyelar pihak - pihak yang menggunakan isu kemiskinan sebagai satu isu politik tetapi tidak berusaha mengatasinya.

Sambil menyifatkan sikap itu sebagai negatif beliau berkata, pihak - pihak itu menimbulkan isu tersebut agar dapat mencari kesalahan orang lain untuk meningkatkan kepentingan politik mereka.

Perdana Menteri berucap demikian di majlis

penutup rancangan Tunas Harapan iaitu sebuah rancangan anak angkat anjuran Yayasan Gerak Bakti Pemuda UMNO di kediamannya di Sri Perdana di sini petang ini.

Ucapan ini difahamkan sebagai satu sindiran kepada pihak - pihak yang menyalahkan kerajaan kerana dikatakan tidak memberi perhatian kepada daerah Baling, Kedah hingga terjadinya tragedi berdarah di Kampung Memali baru - baru ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir melahirkan rasa bangga-

nya atas usaha Pemuda UMNO yang melaksanakan rancangan itu untuk meningkatkan taraf hidup penduduk miskin dari segi sosio ekonomi dan politik mereka.

Pemuda UMNO sehingga ini telah juga mengambil 54 buah kampung miskin di seluruh negara sebagai kampung angkat dan menjalankan jenteranya untuk meningkatkan taraf hidup penduduk - penduduk di situ.

"Ini adalah satu sikap yang positif, saya berasa

UM 2 DEC 1985

bangga Pemuda UMNO sedang berusaha meningkatkan taraf hidup mereka yang miskin melalui rancangan tersebut," kata Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO.

Peserta rancangan Tunas Harapan ini adalah seramai 30 orang berumur antara 10 hingga 12 tahun yang dipilih dari kampung - kampung miskin itu. Lima darinya India, seorang Cina dan yang lainnya Melayu.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir melalui pende-

katan tersebut, Pemuda UMNO akan dapat membina persefahaman antara kanak - kanak berbilang kaum dan seterusnya mewujudkan perpaduan antara kaum.

"Bukan seperti setengah - setengah pihak yang hanya memekik dalam dewan tentang tiadanya perpaduan antara kaum dalam negara ini tetapi tidak mengambil langkah - langkah untuk mengatasinya," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, adalah lebih senang membentuk pemikiran, sikap dan nilai - nilai hidup pada peringkat umur yang rendah dan beliau percaya rancangan itu akan menyemai perasaan memahami antara berbagai kaum.

Berjenaka

Sambil berjenaka, beliau berkata, "Kalau dah besar seperti Anwar (En-cik Anwar Ibrahim - Ketua Pemuda UMNO yang hadir di majlis itu) sudah tidak boleh dibentuk fikirannya dan nilainya lagi, semuanya dah set," disambut ketawa para hadirin.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, generasi muda lambat laun akan mengambil alih para pemimpin sekarang oleh itu amat perlu persefahaman antara mereka dibentuk sekarang ini.

Beliau menyeru semua golongan masyarakat supaya berusaha menanam nilai - nilai hidup yang baik dan juga berusaha memahami cara hidup dan kebudayaan kaum - kaum lain di negara ini.